

Penduduk Kampung Sungai Chinchin bimbang kejadian akan berulang

Sampah runtuh hampir rumah

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
kota@utusangroup.com.my

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Kira-kira 300 penduduk Kampung Sungai Chinchin, Gombak dekat sini gempar apabila tebing bukit yang menjadi tempat pembuangan sampah haram runtuh dua minggu lalu.

Kejadian tersebut mengakibatkan gelongsoran tanah dari puncak bukit di Taman Sri Gombak Town-villa berlaku sepanjang kira-kira 200 meter menghampiri rumah penduduk di bahagian bawah.

Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, pihaknya akan mengambil tindakan merampas kembali tanah tersebut dengan mengeluarkan Notis 7A mengikut Seksyen 128 Kanun Tanah Negara.

Menurutnya, lokasi seluas kira-kira 1.2 hektar itu mula dijadikan tempat pembuangan sampah domestik dan sisa binaan sejak awal 2011 sebelum runtuh baru-baru ini.

“Lokasi yang disahkan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sebagai tempat pembuangan haram itu kini ditutup sebelum kami mengambil tindakan merampas tanah itu dengan segera.

“Tanah di bahagian atas bukit tersebut juga didapati berlaku rekahan dan kami meminta Jabatan Kerja



NOR HISHAM Ahmad Dahlan (kiri) memeriksa runtuhan sampah berdekatan Kampung Sungai Chinchin, Gombak, Selangor semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

Raya (JKR) mengkaji tahap kecerunan atas nama lima individu.

“Pemilik tanah bersebelahan juga sudah mengambil tindakan memasang *geomat* iaitu jerami padi

yang digunakan untuk melindungi tanah mereka daripada berlaku gelongsoran lain,” katanya.

Katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut akan mengambil

tindakan kerana anak Sungai Chinchin yang turut terlibat dengan kejadian tersebut dipenuhi sampah.

Sementara itu, Ketua Kampung Sungai Chinchin, **Khazari Mat** berkata, penduduk amat bimbang sekiranya berlaku runtuhan seterusnya terutama ketika hujan lebat.

“Kejadian ini disedari beberapa penduduk

yang mendengar bunyi kuat dari arah bukit ini dan mereka terkejut kerana timbunan sampah memenuhi bahagian bawah yang berhampiran beberapa rumah penduduk.

“Kegiatan pembuangan tersebut sebelum ini dilihat berlaku secara kecil-kecilan dan hanya dalam tempoh beberapa bulan ini pembuangan dilakukan dalam kuantiti yang banyak,” katanya.

Katanya, penduduk mengharapkan tindakan tegas dapat diambil termasuk memulihara semula sungai yang tercemar.

Selain itu, katanya, penduduk mengesyaki kehadiran nyamuk di rumah-rumah mereka juga berkemungkinan berpunca dari kawasan sampah itu.



KHAZARI MAT